أَلَآ إِنَّ أَولِيَآءَ اللّٰهِ لَا خَوف عَلَيهِم وَلَا هُم يَحزَنُون

تقارير لاگونيه

TAQARIR LAGUNIYYAH

LAPORAN AHWAL PERSIARAN SULUK THARIQAT

SILSILAH 'AALIYYAH NAQSYABANDIYYAH MUJADDIDIYYAH

Oleh:

HADHRAT LAGUNA GUNA AS-SANDAKANI

NAQSYABANDI MUJADDIDI 'AFA ALLAHU 'ANHU

Dengan Bimbingan Irsyad dan Petunjuk Hidayat:

HADHRAT FAQIR JALALLUDDIN AHMAD AR-ROWI AL-AMANI

NAQSYABANDI MUJADDIDI 'AFA ALLAHU 'ANHU

Terbitan:

NAQSYABANDI AKADEMI QURAN SUNNAH HADITS

MARKAZI KHANQAH ABUL-KHALILIYYAH NAQSYABANDIYYAH MUJADDIDIYYAH

MADRASAH ULUL AZMI, KAMPUNG SEPAKAT WIRA DAMAI,
BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN
1436H / 2014M

KANDUNGAN

بِسمِ اللّٰهِ الرّحمٰنِ الرّحِيم
نَحمَدُهُ وَنُصَلِّے وَنُسَلِّم عَلَى رَسُولِهِ الكريم
أما بعد،

2011M - AHWAL SEBELUM BAI'AT

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Tuan, saya nak tanya apakah syarat-syarat utama untuk mempelajari Thariqat ini? Dan adakah ianya hanya untuk seseorang yang mempunyai kelulusan sekolah pondok, sedangkan saya hanyalah berkelulusan sekolah formal SPM gred 2 saja?
21hb Julai 2011 · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, berkenaan syarat-syarat utama untuk mempelajari Thariqat yang mulia Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah ini, Murid hendaklah mengikhlaskan hati dalam mencari jalan untuk mencapai pendekatan terhadap Allah, kemudian hendaklah beri'tiqad dengan 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal-Jama'ah, berpegang teguh dengan amalan Sunnah Nabawiyyah serta menjauhi perkara yang Bida'ah dalam 'Ibadah. Sekiranya seseorang Murid mempunyai latarbelakang pengajian 'Ilmu Agama, maka ianya merupakan suatu kelebihan, namun bagi mereka yang tiada latarbelakang pengajian 'Ilmu Agama secara khusus sekalipun, jalan untuk mereka menuju Allah adalah terbentang luas, cuma memerlukan kehendak, keinginan serta semangat himmat yang kuat. Ketahuilah bahawa Allah Ta'ala telah memilih Hadhrat Baginda NabiNya yang Ummi, dan Dia boleh memilih sesiapa sahaja yang dikehendakiNya untuk berada atas JalanNya kerana Dialah Yang Maha Memberikan Petunjuk Hidayah kepada sekelian Para HambaNya. Wassalam Wal-Ikram.
3hb Ogos 2011

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Tuan, sebenarnya saya pernah ikut Jemaah Tabligh pada tahun 1996 sehingga 1997, masa itu saya masih belajar lagi, itu pun kadang-kadang. Ketika itu saya ikut keluar selama 3 hari setiap bulan dan paling lama 7 hari, itu pun atas dorongan arwah ayah saya. Alhamdulillah, bermula dari situ saya mula belajar bab-bab Sunnah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam dan menunaikan Shalat secara berjemaah namun semua itu hanya saya lakukan seketika sahaja atas faktor-faktor sekeliling. Minat saya ke atas pelajaran Tashawwuf dan Thariqat ketika saya di tingkatan 4 lagi, asbab perkenalan saya dengan seorang rakan sekelas di mana beliau telah menunjukkan saya buku yang judulnya saya lupa tetapi isi kandungannya banyak menceritakan mengenai 'Ilmu Ketuhanan ditambah pula dengan cerita-cerita yang menarik tentang perjalanan atau riwayat hidup Para Wali Allah. Dipendekkan cerita, semua ini saya lupakan ketika saya menyertai Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 1999 atas faktor kemiskinan di mana kehidupan saya dalam tentera mula berubah dan kehidupan beragama hanyalah sebagai hiasan dan mulai terabai. Dosa

dan maksiat tiada batasan lagi sehinggalah ujian datang dalam hidup saya pada tahun 2002, Alhamdulillah saya telah disedarkan oleh seorang Hamba Allah supaya kembali ke Jalan Allah. Sedar tak sedar, sudah hampir 32 tahun umur saya yang Allah bagi kepada saya dan betapa kasihnya dan sayangnya Allah terhadap saya walaupun saya sudah banyak berbuat dosa dan maksiat semenjak saya mengenali alam dunia ini. Bolehkah saya bertanya kepada Tuan, adakah Thariqat Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah ini memerlukan tarbiyah atau amalan sebelum seseorang itu diijazahkan Thariqat ini dan berapa lamakah masa untuk mengambil amalan Thariqat ini?
5hb Ogos 2011

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, untuk mempelajari Thariqat Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah ini memerlukan beberapa syarat iaitu ikhlaskan niat kerana Allah dan Rasul, beri'tiqad dengan 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal-Jama'ah, menuruti Sunnah dan menjauhi Bida'ah serta banyak berzikir menyebut Nama Allah. Untuk berbai'ah hanya memerlukan masa yang sedikit, namun untuk menghasilkan faedah adalah menerusi Shuhbah. Wassalam Wal-Ikram.
8hb Ogos 2011

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Tuan, saya nak bertanya kepada Tuan, adakah sama maksudnya ditalqin dan dibai'ah? Sebab sebelum ini saya sudah ditalqin amalan Thariqat Qadiriyyah Wa Naqsyabandiyyah di bawah pimpinan Ustaz Manaf wakil Talqin di mana Guru Mursyidnya adalah Syaikh Abah Anom Shohibul-Wafa Tajul Ariffin dari Pesantren Suryalaya di Indonesia, cuma saya tidak pernah bertemu. Persoalannya di sini, walaupun saya sudah ditalqin namun sampai sekarang saya belum merasai kenikmatannya lagi. Mohon Tuan dapat memberi jawapannya.
21hb Oktober 2011

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam. Bai'ah adalah untuk maksud Taubat atau menghasilkan Nisbat. Talqin adalah untuk menerima lafaz ucapan Zikir daripada Syaikh Mursyid. Andaikata dengan Bai'ah dan Talqin yang terdahulu tidak dapat merasakan nikmat, maka sesudah Istikharah bolehlah mencari Mursyid lain untuk berbai'ah bagi menghasilkan nikmat Dzauq dan Shauq dalam berzikir. Wassalam.
25hb Oktober 2011

2012M - AHWAL SEBELUM BAI'AT

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Tuan, saya terasa amat sedih dengan kemangkatan Hadhrat Syaikh Raja Ashman Syah Rahmatullah 'Alaih. Al-Fatihah. Tuan, saya tidak dapat membayangkan bagaimana seorang anak Sultan yang diberikan nikmat kekayaan di Dunia boleh memiliki taraf seperti ini. Inikan pula saya yang serba kekurangan ini tapi masih lagi dalam pencarian. Tuan doakanlah saya, agar saya tidak disesatkan oleh nafsu saya sendiri di mana saya sendiri tidak tahu di mana kedudukan saya sekarang ini. Tuan, sebenarnya saya cukup tertarik dengan Thariqat ini, oleh itu mohon Tuan doakan saya untuk bertemu dengan Tuan agar semua persoalan ini menemui jawapannya.
14hb April 2012 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, Amin.

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Tuan, boleh saya minta nombor telefon Tuan dan alamat Markaz sekali.
13hb Jun 2012 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, nombor telefon bimbit: 0126594811, Medan Selera Pinggiran Batu Caves.

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Tuan, nombor telefon dan Markaz sudah saya terima. Tuan saya inign ajukan satu soalan, bolehkah seseorang itu menerima Bai'ah atau Talqin Zikir Thariqat lebih dari seorang Guru Mursyid dan apakah hukumnya?
15hb Jun 2012 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, sekarang Thariqat apa?

Laguna Guna: Thariqat Al-Ghazaliah pimpinan Ustaz Lokeman Hazli Azali An-Naqsyabandi Al-Kholidi, markaznya terletak di Subang, Selangor silsilah ke-40 dari Thariqat Ghazaliyyah dan silsilah ke-37 Thariqat Naqsyabandiyyah Kholidiyyah. Itu pun saya bertemu dengan Ustaz Lokman ketika dia datang ke tempat saya di Sandakan, Sabah dan mengadakan kelas mengaji kitab ***"Sirrus-Salikin"*** karangan Imam Ghazali dan Haqiqat Tashawwuf karangan 'Abdul Qadir 'Isa bertempat di rumah Haji Asmawi. Beliau mengajar tiga hari dalam setiap bulan.
15hb Jun 2012 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Masya Allah, Alhamdulillah, maka apa lagi yang perlu dari faqir ini?

Laguna Guna: Apa yang saya perlu dari Syaikh ialah pandangan dan doa dari Syaikh, moga-moga saya tidak tergelincir dari landasan Shirath Al-Mustaqim. Untuk makluman Syaikh, saya sudah membaca ***"AR-RISALAH AL-'AALIYYAH FI THARIQATIN NAQSYABANDIYYAH MUJADDIDIYYAH SUGHRA"*** yang dikarang oleh Tuan Syaikh

sendiri. Oleh sebab itulah saya ingin bertemu dengan Syaikh agar dapat mengamalkan ilmu yang terkandung di dalamnya.
15hb Jun 2012 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Jika nak beramal kena Bai'ah, jika nak ziarah tiada masalah.

Laguna Guna: Alhamdulillah, terima kasih Syaikh kerana sudi menerima saya sebagai sebahagian dari Murid Syaikh yang banyak dosa ini seperti buih di lautan kalau dikira tidak tahulah betapa girangnya hati ini. Hanya Syaikh sajalah yang dapat membuka segala persoalan yang berada dalam diri saya. In Sya Allah Syaikh, saya akan datang ke tempat Syaikh dalam bulan Julai ini, mohon doa dari Syaikh.
15hb Jun 2012 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Pada 5 - 15 Julai, Faqir ada urusan peribadi. Jika dapat datang sebelum atau selepas tarikh itu.

Laguna Guna: Assalmu'alaikum Syaikh, mohon maaf dari ana, hari itu ana berada di Kuala Lumpur selama tiga hari mulai 16 Julai hingga 18 Julai. Ana cuba menghubungi Syaikh melalui telefon tapi tak dapat, mungkin masa itu Syaikh tengah bersuluk jadi saya mengambil keputusan untuk tidak pergi ke tempat Syaikh. Kebetulan saya berada di Kuala Lumpur atas urusan persaraan saya dari perkhidmatan Tentera. In Sya Allah Syaikh, selepas semua ini sudah selesai saya akan ke tempat Syaikh.
24hb Julai 2012 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, In Sya Allah. Semoga Allah merahmati, Amin.

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, nombor telefon yang Syaikh bagi kepada saya itu masih boleh digunakankah? Sebab saya tak berapa tahu tentang selok-belok jalan ke Markaz?
25hb Julai 2012

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, hati saya begitu cemburu dan terharu sekali bila melihat gambar Majlis Tamat Suluk di Rumah Suluk Sungai Mati, Muar, Johor sebab seumur hidup saya, saya tidak pernah merasai majlis tersebut. Ingin hajat di hati untuk merasainya sekali dalam seumur hidup. Mungkin inilah perjalanan Wali-wali Allah dan Para-para Nabi yang terdahulu, khasnya Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam.
25hb Julai 2012 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, semoga Allah merahmati. Nombor telefon bimbit: 011-12760008

2012M - AHWAL SELEPAS BAI'AT

Laguna Guna: Assalamualaikum Syaikh, sudah hampir dua bulan saya tidak menghubungi Syaikh ataupun bertanyakan khabar dan ribuan kemaafan dari saya Syaikh, yang serba-serbi kekurangan lagi dhaif. Mungkin hati ini terlalu keras untuk melaksanakannya apa yang telah Syaikh arahkan atau merasa bingung dengan amalan-amalan Thariqat yang saya ambil sebelum ini. Mohon petunjuk dari Syaikh. Saya sedia menerima apa saja teguran dari Syaikh.
26hb September 2012 · Dihantar daripada Sembang


Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, mulakan dengan melakukan Kaifiyyat Zikir, kemudian tumpukan Zikir Ismu Zat pada Lathifah Qalb sebanyak 24,000 kali setiap hari.



2013M - LAPORAN AHWAL YANG PERTAMA

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, Alhamdulillah berkat petunjuk daripada Syaikh hamba yang faqir ini mula memahami sedikit demi sedikit tentang perjalanan Thariqat ini. Alhamdulillah juga berkat pertemuan saya dengan Syaikh pada hari itu membuatkan hamba bertambah rindu untuk bertemu dengan Syaikh. Untuk pengetahuan Syaikh, pengalaman mimpi saya bertemu dengan Syaikh bukanlah sekali tetapi sudah kali kedua iaitu dalam mimpi yang pertama, Syaikh datang ke rumah saya dan membawa anak-anak saya untuk Syaikh bimbing mereka. Yang kedua pula, Syaikh datang dalam mimpi saya lalu menerangkan tentang Thariqat Qadiriyyah Wan-Naqsyabandiyyah secara sepintas lalu sambil Syaikh berjabat tangan dengan saya. Selepas itu saya menghubungi Syaikh melalui telefon dan menerangkan perkara tersebut, kemudian mengarahkan saya untuk berzikir Lathifah Ruh sebanyak 24,000 kali. Selepas kejadian itu, hari demi hari saya seolah-olah melihat Syaikh hadir kepada saya dan ingin membawa saya ke sesuatu tempat yang cukup indah ketika saya sedang berzikir, tiba-tiba perasaan hiba dan sedih menyelubungi diri ini mengenangkan akan dosa-dosa yang pernah saya lakukan. Justeru itu saya mohon petunjuk dan Tawajjuh daripada Syaikh, tentang keadaan saya sekarang ini.
20hb Januari 2013 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh, Alhamdulillah, segala pujian dan sanjungan adalah bagi Allah, Pentarbiyah seluruh alam. Berkenaan Ahwal yang kamu khabarkan sangat menggembirakan hati kami, mudah-mudahan Allah menerima diri kita dan seluruh anak cucu kita untuk menegakkan urusan Amar AgamaNya yang mulia sehingga ke Hari Qiyamat dengan berkat kehurmatan Hadhrat Ghauts Tsaqilain dan Hadhrat Syah Naqsyabandi dan sekelian Hadharat Masyaikh Mujaddidiyyah. Teruskan berzikir pada Lathifah Ruh sehingga Ruh benar-benar mencapai Fana dan Baqa dalam ingatannya terhadap Zat Allah dalam setiap ketika dan keadaan. Perkuatkan Rabithah dan anggapkan bahawa jisim kamu adalah jisim kami dan Dawamkan Hudhur kehadiran Allah sambil Muraqabah. Semoga Allah mengurniakan Taufiq, Wassalam.



LAPORAN AHWAL YANG KEDUA

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, ini adalah laporan Ahwal kedua yang saya alami hari demi hari selepas mengambil jalan di atas Thariqat ini. Alhamdulillah, kebingungan dan pertanyaan serta persoalan yang saya tercari-cari selama ini hampir menemui jawapannya, ini pun di bawah petunjuk telapak kaki Syaikh yang saya sayangi. Walaupun beberapa perkataan yang kurang saya fahami di dalam kitab rujukan 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah, namun Alhamdulillah semuanya dapat saya atasi sedikit demi sedikit sehinggalah perasaan hadir bersama dengan Allah dan RasulNya serta Para Masyaikh Kibar Silsilah Thariqat ini dapat saya rasakan walaupun saya disibukkan dengan urusan Dunia. Untuk pengetahuan Syaikh, selepas saya membaca Tazkirah Para Awliya dari Kitab ***Risalah 'Aaliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah,*** tiba-tiba hati saya berzikir Kalimah Nafi Itsbat, berkemungkinan rentetan cerita daripada sebahagian kehidupan Masyaikh iaitu Hadhrat Khwajah 'Abdul Khaliq Ghujduwani Rahmatullah 'Alaih. Perasaan ini tidak habis di situ sahaja sehinggalah saya tidak boleh tidur semalaman sampailah Shalat Shubuh. Alhamdulillah perasaan mengantuk hilang sehinggalah membawa ke siang harinya lalu saya menelefon Syaikh pada hari yang sama. Setelah mendapat jawapan daripada Syaikh lalu mengarah saya Zikir ke Lathifah Nafs, barulah mengantuk menguasai diri ini. Justeru itu saya mohon petunjuk dan Tawajjuh daripada Syaikh, tentang keadaan saya sekarang ini.
5hb April 2013 · Dihantar daripada Sembang



LAPORAN AHWAL YANG KETIGA

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, ini adalah laporan Ahwal yang ketiga yang saya alami hari demi hari selepas mengambil jalan di atas Thariqat ini. Untuk makluman Syaikh sebelum saya mengambil jalan di atas Thariqat ini saya pernah belajar beberapa ilmu seperti Kebatinan Kalimah Suci, Ilmu Perubatan Islam Rukyah Syar'iyyah yang dianjurkan oleh Ustaz Sharhan yang sering disiarkan di kaca TV, kemudian mengambil Thariqat Qadiriyyah Wa Naqsyabandiyyah, Thariqat Ghazaliyyah, Pelajaran Awwaludin Ma'rifatullah, Haqiqat Insan, namun apa yang saya alami ialah kebingungan dan persoalan serta tekanan perasaan dan tidak tahu dari mana hendak mula. Alhamdulillah dengan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan lebih-lebih lagi di bawah petunjuk telapak kaki Para Masyaikh Muqaddasah Silsilah Thariqat 'Aliyyah Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah dan Syaikh yang saya sayangi kini semuanya sudah terjawab di atas jalan Thariqat ini. Beberapa hari yang lalu saya ada berjumpa dengan kawan lama yang sama-sama menuntut jalan Thariqat sebelum ini, tiba-tiba dia mengajukan soalan kepada saya, katanya, "Awak sudah berjumpa dengan Allah tak? Atau kamu sudah kenal Allah ke?" Saya hanya tersenyum lalu dia berkata kalau nak tahu Allah nanti saya terangkan katanya." Pada hari Khamis malam Jumaat kami berjumpa di rumahnya, dia menerangkan kepada saya beberapa perkara yang kurang saya fahami namun dari segi pemahaman saya dia hendak menerangkan kepada saya tentang Wahdatul-Wujud. Alhamdulillah hati saya langsung tidak menerima penerangan yang dia berikan lantaran hati ini dan seluruh Lathifah saya sentiasa berzikir ***Allah-Allah*** dan sentiasa terbayang wajah Syaikh di hadapan saya. Kemudian saya pulang ke rumah dan terus membaca Kitab *"Taudhzih Ath-Thariqah"* untuk menenangkan hati saya dan tiba-tiba seluruh sudut ruang yang ada di rumah seolah-olah turut serta berzikir ***Allah-Allah*** sehinggalah saya tertidur. Malam itu saya bermimpi, saya berada di sebuah masjid yang dipenuhi dengan Para Jemaah yang hendak menunaikan Shalat Jumaat tetapi tiada Imam untuk mengimami Shalat Jumaat dan membaca Khutbah, lalu ada di antara mereka yang mencadangkan saya untuk mengimami Shalat Jumaat. Yang menghairankan saya dalam mimpi itu saya tidak menolak langsung permintaan mereka lalu saya perkenakan kain pelikat di badan saya, lalu mereka memberikan kepada saya kain pelikat yang koyak sebanyak dua kali dan yang kali ketiga barulah kain pelikat yang elok tetapi apabila saya hendak melilitkan kain pelikat di pinggang saya sebanyak dua kali gagal dan kali ketiga barulah boleh itu pun ketika Azan diazankan ketika hendak masuk Khutbah yang pertama. Tiba-tiba saya terbangun dalam pukul 3 pagi kemudian saya tidur balik sehinggalah Azan Shubuh berkumandang. Justeru itu saya mohon petunjuk dan Tawajjuh daripada Syaikh tentang keadaan saya sekarang ini.

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, Alhamdulillah, kami sudah terima laporan. Mimpi kamu mengisyaratkan kepada peningkatan keupayaan untuk menjalankan dan melaksanakan Syari'at Allah, bantuan dan pertolongan Allah berserta dengan mereka yang sabar dalam mengerjakan amalan 'Ibadah dan Istiqamah. perbanyakkan Zikrullah, hidup dengan cara hidup Sunnah Rasulullah, tambahkan pengetahuan tentang 'Ilmu 'Aqidah berdasarkan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Semoga Allah memberikan Taufiq dan Rahmat, Wassalam.

2013M - LAPORAN AHWAL FANA

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh buat Syaikh yang saya kasihi, di sini saya ingin melaporkan Ahwal yang saya telah alami selepas Syaikh menerangkan kepada saya tentang Fana Fillah. Beberapa hari yang lepas, selepas saya menunaikan Shalat Shubuh disertai dengan Kaifiyyat Ismu Zat dan melakukan Wuquf Qalbi untuk dilakukan ke atas Lathifah Nafs, tiba-tiba diri saya tidak boleh bergerak dan rebah di atas sejadah, saya merasakan seolah-olah diri saya sudah mati dan perkara ini berlaku dalam beberapa lama, nafas saya hampir-hampir tersekat, Alhamdulillah hati saya sentiasa berzikir ***Allah-Allah.*** Wajah Syaikh terbayang di hadapan saya. Hati saya berkata, "Ya Allah, inikah yang dikatakan mati?" Kemudian hati saya berzikir kalimah Nafi Itsbat untuk kembali semula dan bangkit dari sejadah secara perlahan-lahan dan membetulkan semula kedudukan saya. Hati saya berkata belum sampaikah masanya untuk saya mati? Mohon petunjuk dan Tawajjuh dari Syaikh?
25hb April 2013 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Alhamdulillah, Ahwal tersebut adalah bayangan Fana Nafs. Fana Nafs yang sempurna ialah apabila hilang keakuan diri dan mengitsbatkan Wujud Haqq. Tumpukan terus Zikir pada Lathifah Nafs sehingga kesan Nur Zikir akan sampai ke seluruh tubuh, Wabillahit-Taufiq, Wassalam.

Laguna Guna: In Syaa Allah Syaikh, saya akan buat bersungguh-sungguh. Wassalam.
25hb April 2013 · Dihantar daripada Sembang

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh, sebak rasanya hati hamba membaca Kitab ***"Rasail Ar-Rowi"*** ini, banyak pengajaran dan limpahan Faidhz yang hamba dapat dari surat-surat Syaikh sehingga diri hamba ini merasa seolah-olah Syaikh hadir di hadapan hamba dan mengubati penyakit Ruhani yang sedang parah melanda diri hamba sehinggakan mahu saja diri hamba keluar dari jalan ini, ***Wa Na'uzu Billahi Min Dzalika.*** Mohon doakan hambamu ini Syaikh. Allah...
11 Nov 2013

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh pagi tadi saya buat Muraqabah untuk pertama kalinya dengan mengikut Kaifiyyatnya. Tiba-tiba datang satu suara mengatakan bahawa, **"Untuk sampai kepadaKu engkau hendaklah bertawajjuh dan menumpukan sepenuhnya kepada Syaikhmu iaitu Ahmad Jalaluddin Ar-Rowi"**, kemudian suara itu berkata lagi **"Perbaharuilah Imanmu dengan mengucapkan Dua Kalimah Syahadah",** mohon petunjuk dan Tawajjuh daripada Syaikh?
12 Nov 2013

Syaikh: Wa'alaikumussalam, Alhamdulillah. Rabithah Syaikh yang sempurna adalah dengan menafikan rasa wujud diri dan menganggap wujud setiap zarrah jisim diri adalah sebagai zarrah jisim Syaikh dan dawamkan khayalan tersebut. Wushul kesampaian pada kesedaran Hadhrat Zat adalah mungkin tercapai menerusi Zikrullah dan Muraqabah tetapi jika tanpa Rabithah, kesampaiannya adalah mustahil, namun

Rabithah semata-mata meskipun tanpa Zikrullah dan Muraqabah, kesampaiannya adalah pasti. Fana Fi Syaikh adalah Muqaddimah dan syarat untuk mencapai Fana Fi Masyaikh, Fana Fi Rasul dan Fana Fillah. Tanpa Fana Fillah maka Baqa Billah bagaimana akan dapat dibayangkan? ***Wabillahit-Taufiq, Wassalam Wal-Ikram.***

Salik: Tanpa Fana Fillah bagaimana Baqa Billah hendak dibayangkan? Macam mana tu Syaikh?

Syaikh: Tanpa mencapai Fana Fillah yang sempurna Baqa Billah tidak akan terhasil.

Salik: Oh, macam itu barulah saya faham Syaikh. Apakah Fana Fillah itu terjadi dalam apa jua keadaan samada berzikir, Muraqabah atau Rabithah Syaikh? Mohon penerangan Syaikh agar saya tidak disesatkan oleh Nafsu Syaithaniyyah, Wallahu A'lam.

Syaikh: Fana Fillah akan terhasil menerusi Fana Fi Syaikh dalam setiap amalan. Matikan diri dan buangkan rasa wujud diri dan kemudian hadirkan rasa wujud Syaikh dalam diri pada setiap zarrah jisim Jasmani.

Salik: Alhamdulillah Syaikh, barulah saya betul-betul faham, terima kasih Syaikh. Wassalam.



Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, bila Syaikh pergi ke Negeri Sembilan?
19hb November 2013 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam. Faqir pergi pagi balik petang hari, 18-22/11/2013.

Laguna Guna: Siapa di sebelah Syaikh dalam gambar tu.
19hb November 2013 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Syaikh 'Abdul Hadi Al-Kharsah 'Ulama 'Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dari Syria. Mengajar kitab 'Aqidah Thahawiyyah dan Al-Fiqh Al-Akbar dan beliau akan memberikan sanad pengajian.

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, sekiranya Fana Fi Syaikh yang saya buat ni tiba-tiba membawa suatu perasaan yang begitu mendalam terhadap Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam, hatta setiap gerak dan kelakuan serta pemikiran saya dan Qalb sentiasa berselawat ke atas Nabi. Apakah ianya bersalahan dengan perjalanan Kaifiyat Zikir Nafi Itsbat yang saya lakukan sekarang ini. Kadangkala saya menjadi bingung seketika? mohon petunjuk dari Syaikh.
19hb November 2013 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Setiap kali melepaskan nafas ketika Zikir Nafi Itsbat hendaklah menyebut ***Muhammadur Rasulullah*** dan Selawat ***Shallallahu 'Alaihi Wasallam.*** Banyakkan berselawat setelah selesai Zikir Nafi Itsbat dan ubahkan seluruh aspek kehidupan kita dengan menuruti Sunnah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam.
Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, In Syaa Allah saya akan usaha lagi dan lagi.
20hb November 2013 · Dihantar daripada Sembang

Laguna Guna: Assalamua'alaikum Syaikh, hari itu saya pernah bertanya kepada Syaikh berhubung dengan Zikir Ismu Zat setelah saya ditalqin Zikir Nafi Itsbat, ketika saya melakukan Zikir Nafi Itsbat dengan menahan nafas barulah saya terfikir dengan mengambarkan Kaifiyyatnya Zikir Nafi Itsbat, rupa-rupanya ia beserta terus dengan Kalimah Ismu Zat yang ditujukan terus ke Qalb, betulkah itu Syaikh? Mohon pandangan dan Tawajjuh Syaikh.
24hb November 2013 · Dihantar daripada Sembang

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh, makin saya diuji makin datang pula ketenangan, bukan apa Syaikh, tiba-tiba saja dalam hati berkata, ***"Alaa Bizikrillahi Tathmainnul-Quluub",*** hanya dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang. Kemudian timbul pula redha. Subhanallah, hanya dengan bimbingan Syaikhlah semuanya hadir tanpa saya sedari, ini adalah petunjuk yang Haqq walaupun hati ini hampir-hampir berubah namun dengan Rabithah dan Tawajjuh terhadap Syaikh, Alhamdulillah saya selamat dari tipu daya mereka.
28 Nov 2013

Salik: Assalamua'alaikum Syaikh, semalam saya bermimpi melihat wajah saya sendiri dan terdapat dua titik hitam di dahi saya seperti tanda sujud kemudian selepas bangun dari tidur saya amati tiada tanda tersebut di dahi saya, apa maknanya itu Syaikh? Mohon petunjuk dan Tawajjuh Syaikh.
4 Dis 2013

Syaikh: Wa'alaikumussalam, yang demikian itu adalah ibarat bagi kesan-kesan sujud yang banyak dilakukan. Sila kamu rujuk pada ayat terakhir Surah Al-Fath dan baca keseluruhan Surah dengan makna terjemahannya dan fikirkan isi kandungannya. Semoga Allah merahmati, Amin.

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, apakah yang perlu kita buat ke atas orang yang menganiaya diri kita?
30hb Disember 2013 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, maksud Zikir Ismu Zat adalah untuk menghasilkan Jazbah manakala maksud Zikir Nafi Itsbat adalah untuk menempuh Suluk Maqamat. Banyakkan berdoa dan amalkan ayat-ayat perlindungan meminta bantuan perlindungan daripada Allah, ikhtiarkan keselamatan untuk diri sendiri dan keluarga, lalu bertawakkallah kepada Allah.

2014M - AHWAL BULAN JANUARI KE JUN

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, lama tak bersua, apa khabar Syaikh?
9hb Februari 2014 · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, khabar baik.

Laguna Guna: Saya nak tanya Syaikh berhubung dengan Suluk Maqamat? Mohon jelaskan.

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Suluk Maqamat pada peringkat Nafi Itsbat ialah menghasilkan sifat selalu bertaubat, Inabat, Syukur, Sabar, Tawakkal, Redha, Zuhud, Wara', Taslim, Qana'ah.

Laguna Guna: Jadi, dalam menempuh peringkat tersebut Syaikh, saya akan bagi penumpuan sepenuhnya kepada Zikir Nafi Itsbat begitu.

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Ya, sehingga hilang rasa wujud diri.

Laguna Guna: Subhanallah Syaikh, rindu saya dengan Syaikh, maafkanlah saya Syaikh, dan ampunkanlah saya Syaikh..

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Faqir bercadang hendak ke Sabah pada 29-31/3/2014, jika ada orang Sabah nak berbai'at Naqsyabandi Mujaddidi boleh diaturkan.

Laguna Guna: Assalamualaikum Syaikh di Kota Kinabalu dekat mana? Berapa orang yang akan bersama Syaikh?
27hb Februari · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, nama tempat nanti faqir akan pastikan, faqir datang seorang, Laguna boleh hadir?

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, sibuk ke?
30hb Mac · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Sedang menuju ke Surau Taman Indah Permai, Kota Kinabalu.

Laguna Guna: Syaikh buat ceramah ke?

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Tak, hanya nak buat Zikir Khatam dan bacakan kitab Risalah Siyar As-Suluk.

Laguna Guna: Ramai jugakah yang hadir dan ambil Bai'at?

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Semalam ada 14 orang Bai'at di Markaz Tabligh, Menggatal. Hari ni ada 3 orang Bai'at di Kampung Lokob, Menggatal.

Laguna Guna: Subhanallah Syaikh, boleh saya tahu, ikhwan yang jemput Syaikh tu orang tempatan ke?

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Ya, Ustaz Zul Aznie di Taman Indah Permai, Sepangar

Laguna Guna: Alhamdulillah, Syaikh menginap dekat mana?

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Di Surau IP.

Laguna Guna: Syaikh tidur seorang sajakah dekat Surau itu?

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Ada ikhwan dari Putrajaya, Zamri Minhaj ikut bersama Faqir dan ada ikhwan baru Bai'at semalam, Muhammad Asbir.

Laguna Guna: Bolehkah Syaikh hantar gambar-gambar aktiviti ke Facebook untuk dijadikan inspirasi kepada saya. Saya adalah hamba yang paling rugi di Dunia dan Akhirat sebab tak hadir ke majlis Shuhbat Syaikh.



Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Dah hantar...

Laguna Guna: Bolehkah Syaikh hantar gambar personal Syaikh buat tatapan saya?

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh dah sampai rumah ke?
31hb Mac · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, baru sampai KLIA

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, apa khabar, sihat?
11hb April · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, Alhamdulillah, baru sihat.

Laguna Guna: Kenapa Syaikh sakitkah baru-baru ini?
11hb April · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Demam.

Laguna Guna: Ma Syaa Allah dengar-dengar Syaikh nak pergi Umrah, ya kah, bila?
11hb April · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Hujung bulan Mei, In Syaa Allah.

2014M - AHWAL ZIKIR NAFI ITSBAT

Salik: Assalamua'alaikum Syaikh, saya nak tanyalah, apabila Zikir Nafi Itsbat dibuat secara berterusan, tiba-tiba diri ini berkata dalam hati, **"Akulah Allah",** macam mana tu Syaikh? Mohon penjelasannya.
20 April 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam, itu adalah Ahwal Fana Tauhid Wujudi. Zikir lagi sebanyak-banyak sehingga mencapai Maqam Tauhid Syuhudi.

Salik: Syaikh, Apa Maksud Tauhid Syuhudi?

Syaikh: Sebagai hamba yang menyaksikan keesaan Allah. Bukan sebagai hamba yang merasakan bahawa diri adalah Allah.

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh, saya nak minta pandangan dan Tawajjuh daripada Syaikh apa maksudnya jika saya Zikir Kalimah *"La Ilaha Illa Allah Muhammadur Rasulullah"* seolah-olah terasa macam batin saya nak teriak dan menangis saja? Boleh saya tahu maksudnya Syaikh?
29 Mei 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam, yang demikian itu kerana Ruhanimu sedang berusaha keluar dari Daerah Imkan dan sedang menuju Daerah Walayat Sughra. Ruh sedih nak meninggalkan Daerah Imkan. Zikir banyak lagi sehingga hilang kesedihan bertukar kegembiraan kerana sedang menuju ke daerah yang lebih luas.

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh, ketika saya berzikir tiba-tiba saya rasa kepala saya berat seolah-olah memakai serban berwarna putih dan tiba-tiba merasa diri ini menyerupai seseorang yang berjambang putih memakai jubah putih wajahnya berseri-seri yang tidak dapat saya bayangkan. Apa maksudnya itu Syaikh? Mohon Tawajjuh dari Syaikh moga-moga saya tidak tergelincir dari jalan Thariqat ini. Yang kedua, semasa saya menjaja aiskrim tiba-tiba saya merasakan bahawa seluruh alam dan makhluknya adalah satu. Apa maksudnya? Mohon Tawajjuh dari Syaikh.
6 Jun 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam, ketika berzikir bayangkan dirimu sebagai Syaikh yang berzikir, lenyapkan rasa wujud diri, itsbatkan wujud Syaikh sedang berzikir, ianya Rabithah. Yang kedua adalah Ahwal Tauhid Wujudi tanda Fana sedang terhasil.

2014M - AHWAL BULAN OGOS KE SEPTEMBER

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh.
16hb Ogos · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam.

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, mohon Tawajjuh ke atas diriku, dan mohon jawapannya.
20hb Ogos · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Waalaikumussalam, kekalkan Wuquf Qalbi dan Rabithah. Pandang limpahan Faidhz sentiasa terlimpah daripada kami sambil Muraqabah.

Laguna Guna: In Syaa Allah, Syaikh.
20hb Ogos · Dihantar daripada Sembang

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, saya nak tanya apakah hukumnya berkabung.
22hb Ogos · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam, harus bagi keluarga yang terlibat.

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh, saya nak tanya adakah Wuquf Qalbi itu merupakan Zikir Ismu Zat yang ditumpukan pada Lathifah Qalb?
22 Ogos 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam, Wuquf Qalbi ialah Nafs bertawajjuh ke arah Qalb dan Qalb bertawajjuh kepada Allah.

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh.
26hb Ogos · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam.

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh. Saya nak tanya apa maksud ayat iaitu **"Para Wali Allah itu tiada ketakutan ke atas mereka dan tidak pula mereka itu berdukacita"?**
29 September 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam, maksudnya Para Wali itu dengan keimanan dan ketaqwaan mereka mampu menghadapi segala Ahwal dan keadaan, dapat mengatasi segala rintangan dan tiada sesuatu apa pun yang dapat menakutkannya.

2014M - AHWAL BULAN OKTOBER

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh, saya nak tanya apabila seseorang Murid Salik yang telah mengambil Thariqat ini, adakah ilmu yang dia pelajari sebelum mengambil Thariqat ini akan gugur serta-merta?
1 Oktober 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam, ilmu tidak gugur tetapi semakin lama semakin lenyap.

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh bagaimana nak hilangkan kecintaan terhadap makhluk termasuklah anak dan isteri?
5 Oktober 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam, kuatkan dan banyakkan Zikrullah dan Zikrulmaut ingatkan mati.

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh, saya ingin bertanya apa keutamaan Zikir Naqsyabandi? Apakah Zikir Ismu Zat atau Nafi Itsbat sebab diri ini lebih banyak tertumpu pada Zikir Ismu Zat berbanding Nafi Itsbat. Kemudian hati ini berkata sudah sampai masanya untuk kau redha dengan semua ini. Mohon petunjuk dan Tawajjuh dari Syaikh.
10 Oktober 2014

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh, mengapalah hati saya ini bertentangan dengan Nafsu?
12 Oktober 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam, Zikir Ismu Zat boleh terus dilakukan dan lakukan juga Zikir Nafi Itsbat. Hati memang bertentangan dengan Nafsu kerana hati suka mengingati Allah sedangkan Nafsu tidak suka mengingati Allah.

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh, saya nak tanya apakah 'Ilmu Thariqat ini adalah 'Ilmu Haqq yang tidak boleh dicampur-adukkan dengan mana-mana ilmu kebatinan, mohon penjelasan dari Syaikh.
15hb Oktober · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Waalaikumussalam, ya benar. Jikalau dicampur boleh menjadi gila.

Laguna Guna: Oh, macam itu. Ini bermaksud apa-apa jua ilmu yang saya pelajari sebelum mengambil pelajaran Thariqat hendaklah saya lupakan terus, bukan begitu Syaikh?
15hb Oktober · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Ya, demikian itu lebih baik, ilmu selain Syari'at dan Thariqat adalah 'Ilmu Dunia.

Laguna Guna: In Syaa Allah Syaikh, bagaimanakah nak dapatkan Maqam Redha, Syaikh?
15hb Oktober · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Zikir terus Zikir sebanyak banyaknya, keredhaan Allah beserta dengan hamba yang sentiasa berzikir megingatiNya. Apabila terhasil keredhaan dari Allah maka hamba akan Redha dengan segala ketentuanNya.

Laguna Guna: Terus-terang saya katakan Syaikh, semenjak saya berhenti dari Tentera, kegagalan demi kegagalan saya alami dalam mencari pekerjaan ini pun dah masuk lima kali saya temuduga semuanya gagal termasuklah jawatan Polis, selepas itu saya cuba untuk menjual ais krim, tiba-tiba semangat saya lemah apabila ibu saya dan orang sekeliling saya menjauhkan diri dari saya lantaran tiada jawatan yang dimiliki, mujurlah isteri saya tidak lari.
15hb Oktober · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Sabar, Allah sentiasa bersama dengan hambaNya yang sentiasa mengingatiNya. Allah bersama orang-orang yang sabar.

Laguna Guna: Adakalanya Syaikh, macam-macam yang datang dalam pemikiran saya. kadang-kala perasaan takut dan was-was mula timbul.
15hb Oktober · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Apa ertinya segala kekayaan dan pangkat Duniawi jika di dalam hati tiada kecintaan pada Allah. Hindarkan was-was dengan Baz Gasyt dan Rabithah.

Laguna Guna: Ya Allah.... Syaikh apa sudah jadi dengan diri saya ini? Ampunkan saya, Ya Allah.
15hb Oktober · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Tawajjuh sepenuhnya dengan Allah dan bertawakkal sepenuhnya kepada Allah, segala masalah datang daripada Allah dan segala penyelesaian masalah ada di sisi Allah, banyakkan berdoa dan bermunajat kepadaNya.

Laguna Guna: Ya Allah, dengan kemuliaan Syaikhku ini janganlah Engkau pisahkan aku dengannya. Mohon doakan saya Syaikh dan Tawajjuh Syaikh.
15hb Oktober · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: In sya Allah, semoga Allah merahmati.

2014M - AHWAL BULAN NOVEMBER

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh, baru-baru ini saya bermimpi berada di sebuah kampung atas air, memandangkan airnya yang sangat jernih saya pun terus melompat ke dalam air tersebut untuk mandi sambil berenang-renang namun apa yang terjadi ketika saya terjun ke dalam air tersebut anggota tangan dan kaki saya tidak dapat bergerak seolah-olah mati dan kaku menyebabkan saya tidak dapat bergerak dan terus tenggelam ke dasar laut, ketika itu apa yang saya fikirkan ialah ajal saya sudah sampai dan saya pasrah ketika itu, tiba-tiba Lathifah Qalb saya mengucapkan Dua Kalimah Syahadah sebanyak-banyak sehingga keadaan sekeliling bergema dengan Kalimah tersebut, dan apa yang terjadi seterusnya ialah seluruh anggota tubuh badan saya bergerak semula dengan menyebut Zikir Ismu Zat sebanyak-banyaknya sambil berenang menuju ke permukaan air dengan iringan cahaya yang sangat terang, dan saya pun terus terbangun. Mohon penjelasan dan Tawajjuh daripada Syaikh.
7 Nov 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh, maafkan faqir atas kelewatan membalas laporan yang diberikan. Air adalah ibarat bagi Shifat Hayat yang bertakluk dengan Shifat Ma'ani. Musyahadah mimpi adalah ibarat bagi keadaan Fana yang terhasil apabila Salik terjun ke Daerah Bayangan Asma dan Shifat. Untuk mencapai Baqa, Salik harus teruskan berzikir supaya dapat keluar dari Daerah Bayangan dan meneruskan penjelajahan Ruhani ke Daerah Asal bagi Asma dan Shifat. Lakukan Zikir Ismu Zat dan Nafi Itsbat beserta Muraqabah dan Rabithah bagi memperkukuhkan Nisbat dan menghasilkan Baqa serta Dawam Hudhur serta Jam'iyyat. Caranya ialah sesudah Kaifiyyat, berzikirlah Ismu Zat bagi menghidupkan seluruh Lathaif dan menghasilkan Fana serta Jazbah. Kemudian, lakukan Zikir Nafi Itsbat dengan menyertakan Niat Muraqabah sambil Rabithah Hadharat Syaikh, Para Masyaikh dan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bagi menghasilkan Fana Al-Fana dan Jam'iyyat untuk Suluk keluar dari Daerah Imkan menuju ke Daerah Bayangan Asma dan Shifat di Daerah Walayat Sughra iaitu Daerah Kewalian Para Awliya. Perjalanan seterusnya ialah menuju ke Daerah Asal Asma dan Shifat yang merupakan Daerah Kewalian Para Anbiya yang dikenali sebagai Daerah Walayat Kubra dan merupakan Maqam Baqa.
11 Nov 2014

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh, baru-baru ini saya bermimpi, dalam mimpi itu saya berada di kawasan gelap, tiba-tiba datang cahaya lilin kepada saya sambil berzikir Allah sebanyak-banyaknya hinggalah isteri saya kejutkan saya dari tidur kerana isteri saya terdengar saya berzikir Allah dalam keadaan saya masih tidur, mohon petunjuk dan Tawajjuh dari Syaikh.
13 Nov 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam, teruskan Zikir Ismu Zat sebanyak-banyaknya dan Zikir Nafi Itsbat sekurang-kurangnya tiga ribu sehari semalam.
13 Nov 2014

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh, apakah betul Ahli Shufi zaman dahulu suka berpakaian compang-camping dan bertampal bajunya, kurang makan dan tidur dan kuat 'Ibadahnya. Apa bezanya Ahli Shufi dahulu dan sekarang?
14 Nov 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam, antara Usul Para Ahli Shufi ialah kurangkan makan minum, kurangkan tidur istirahat, kurangkan bercakap sia-sia dan kurangkan masa bersama makhluk. Ahli Shufi dahulu kuat beramal dan Istiqamah, Ahli Shufi sekarang lemah beramal dan kurang Istiqamah kerana banyak yang lemah. Ahli Shufi dahulu berpakaian baju compang-camping dan bertampal kerana mereka Zuhud dan Faqir, Ahli Shufi kini berpakaian kemas dan cantik kerana Riak dan Kibir.
14 Nov 2014

Salik: Assalamu'alaikum Syaikh malam tadi saya bermimpi berada di dalam masjid bersama Syaikh dan dua orang pemuda ketika itu saya dahaga dan kemudian seseorang darinya telah menuangkan air dari bekas Syaikh, lalu saya minum kemudian Syaikh berkata dengan seseorang darinya yang bernama Taufiq bertanyakan tentang hidangan yang hendak disediakan lalu saya terbangun dari tidur untuk Solat Subuh. Mohon petunjuk dari Syaikh.
17 Nov 2014

Syaikh: Wa'alaikumussalam, semoga Allah memberkati, maafkan faqir kerana lewat membalas permohonan. Kehausanmu akan tidak pernah puas setelah meminum dari hidangan kami. Hidangan akan disediakan apabila para tetamu Salikin datang menemui tuan rumah. Bila berpeluang datanglah menziarahi kami Para Fuqara di Markazi Khanqah. In Syaa Allah, hidangan akan disediakan dan kehausan akan dipuaskan untuk tetamu dari Sabah Negeri Di Bawah Bayu sehingga kamu takkan pernah berasa puas meminum dari lautan limpahan Ma'rifat. Wassalam Wal-Ikram.
24 Nov 2014



2014M - AHWAL BULAN DISEMBER

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh.
1 Disember 2014 pukul 4.08 ptg · Dihantar daripada Sembang

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam Warahmatullah.
2 Disember 2014 pukul 7.15 pagi

Laguna Guna: Assalamu'alaikum Syaikh.
3 Disember 2014 · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Wa'alaikumussalam.

Laguna Guna: Saya nak tanya, betulkah Cikgu Soh nak balik dengan Syaikh?
3 Disember 2014 · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Ya, mungkin.

Laguna Guna: Alhamdulillah, maaflah Syaikh, boleh saya tanya kenapa?
3 Disember 2014 · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Allah A'lam.

Laguna Guna: Dia ada datang jumpa Syaikh ke?
3 Disember 2014 · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Belum.

Laguna Guna: Saya nak tanya Syaikh, sebelum saya berbai'ah dengan Syaikh, saya tidak seberapa faham perjalanan Thariqat tetapi apabila saya berbai'ah dengan Syaikh, Alhamdulillah, kefahaman itu datangnya sedikit-sedikit dan ilmu yang saya tidak faham selama ini tiba-tiba faham walaupun tidak banyak, apakah maksud di sebaliknya?
3 Disember 2014 · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Maksudnya, sesiapa yang tiada Syaikh maka tidak akan terhasil Ma'rifat tentang Thariqat, sesiapa yang tiada Thariqat maka tiada terhasil Ma'rifat tentang Syari'at, tanpa Ma'rifat tentang Syari'at dan Thariqat maka tiada terhasil Ma'rifat tentang Haqiqat. Kesempurnaan-kesempurnaan Syari'at, Thariqat, Ma'rifat dan Haqiqat tidak akan terhasil tanpa Syaikh, Syaikh.

Laguna Guna: Alhamdulillah Thariqat yang di bawah bimbingan Syaikh, bagi saya menyenangkan pengamalnya dan tidak memberatkan, saya akui pada mulanya berat bagi saya sehinggalah saya mencari selain dari amalan ini namun semuanya agak mengelirukan, selepas beberapa kali bershuhbah dengan Syaikh sama ada melalui hadir secara zahir mahupun batin semuanya telah terjawab, cuma keyakinan saya ini masih

kurang mantap, apakah sebabnya, bolehkah Syaikh berikan saya satu kata-kata jaminan dalam Thariqat ini agar saya boleh pegang dan tanam dalam diri saya?
3 Disember 2014 · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Thariqat Naqsyabandiyyah adalah 'Ain Thariqat Para Shahabah.

Laguna Guna: Maksud 'Ain, Syaikh?
3 Disember 2014 · Dihantar dari Web

Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi: Gambaran jalan Thariqat Para Sahabat

Laguna Guna: Alhamdulillah, faham Syaikh.
3 Disember 2014 · Dihantar daripada Sembang

